

# Kesenian Cina di Malaysia

Jika kita meninjau sejarah kembali, walaupun terdapat pedagang dan saudagar dari China belayar ke Selat Melaka untuk menjalankan perniagaan pada zaman kegemilangan kesultanan Melaka, bilangan mereka yang menetap di negeri itu sedikit. Kebanyakan daripada mereka, yang memilih untuk menetap di Melaka, telah berasimilasi dengan budaya dan cara hidup penduduk setempat.

Hal ini ternyata berbeza sekali daripada gelombang kedatangan imigran dari China yang berlaku dengan rancaknya mulai pertengahan abad ke-19. Semasa itu, banyak orang dari China berhijrah ke seberang laut, termasuk Tanah Melayu, kerana kehidupan di negara leluhur serba susah, di samping galakan daripada Inggeris.

Menjelang awal abad ke-20, orang dari China yang berhijrah ke Tanah Melayu telah tersebar ke merata tempat, khususnya di kawasan pantai Barat. Selain golongan buruh, terdapat juga imigran yang terdiri daripada peniaga, tukang dan pekerja mahir. Satu kelompok masyarakat perantau Cina beransur-ansur terbentuk dalam masyarakat majmuk di Tanah Melayu.

Bagi penghijrah Cina generasi pertama, kehidupan di tempat orang amat sukar. Kesukaran ini menyebabkan mereka merindui kampung halaman dan ahli keluarga mereka yang jauh. Oleh sebab itu, benda atau perkara yang membawa sifat kampung mereka, seperti bangunan, hiasan, pakaian, tarian, nyanyian, opera dan patung dewa dewi, dibawa bersama-sama dan menjadi unsur yang tidak dapat ditinggalkan dalam kehidupan penghijrahan mereka.

Di samping itu, kaum Cina, yang semakin hari semakin banyak bilangannya itu, telah menyediakan prasyarat yang penting bagi perkembangan kesenian Cina dalam kalangan masyarakat tempatan. Yang dapat dikatakan ialah bahawa kewujudan dan perkembangan kesenian Cina di Asia Tenggara menjadi kemestian apabila masyarakat Cina membentuk komuniti di sesebuah negara.

Satu daripada bentuk kesenian yang disebarkan dengan meluasnya, mendapat sambutan hangat, dan mempunyai pengaruh yang paling besar ialah opera tradisional Cina. Semasa perayaan tradisional Cina atau kegiatan keagamaan serta upacara sembahyang diadakan, kaum Cina tempatan akan menjemput kumpulan teater dari kampung halaman mereka di China ke negara baharunya untuk mengadakan persembahan. Di samping itu, kumpulan teater tempatan juga dibentuk.

### **Opera Tradisional Cina di Tanah Melayu**

Opera tradisional Cina yang tersebar ke Asia Tenggara termasuklah Opera Gaojia (sejenis opera tempatan Hokkien), Opera Guangdong, Opera Toechew, Opera Hokkien, Opera Hainan, Opera Peking, Sandiwara Taiwan, Opera Puxian (sejenis opera Hokkien yang popular di Putian dan Xianyou), Opera Shifan dan Opera Liyuan (sejenis opera tempatan Hokkien). Yang turut tersebar ialah wayang golek Cina, wayang patung dan wayang kulit. Ternyata bahawa opera Hokkien dan Guangdong tempatan telah disebarkan dengan meluasnya di Asia Tenggara. Hal ini mungkin berlaku kerana sebahagian besar daripada perantau Cina Asia Tenggara berasal dari kedua-dua provinsi ini. Golongan Hokkien dan Guangdong juga mempunyai opera tempatan yang agak banyak kategorinya.

Sebelum Perang Dunia



Kedua, opera tradisional Cina telah berpengaruh besar dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura.

Antaranya termasuklah

Opera Hokkien, Opera Guangdong dan Opera Toechew, yang paling popular dalam kalangan masyarakat tempatan. Jika dibandingkan dengan novel klasik, kesenian opera mempunyai ciri hiburan yang lebih menonjol,





Er hu.

lebih senang difahami dan diterima oleh rakyat jelata, terutama golongan bawahan yang buta huruf.

Menurut sarjana Huang Lian Zhi, tema bagi acara tradisional opera yang dipersembahkan di Tanah Melayu itu terdiri daripada empat kategori. Yang pertama, jasa besar dan pencapaian yang gilang-gemilang golongan raja atau pembesar; yang kedua, cerita romantik dan kisah cinta antara pemuda berbakat dengan gadis rupawan; yang ketiga, kisah dewa dewi dan cerita hantu; dan yang keempat, kisah perjalanan ekspedisi atau peperangan.

Antara opera tradisional Cina, Opera Gaojia paling banyak melakukan persembahan di Tanah Melayu dan Singapura. Menurut sarjana Liang Hong, dari tahun 1902 hingga 1942, lebih daripada 10 kumpulan Opera Gaojia dari Hokkien telah mengadakan pertunjukan mengelilingi Tanah Melayu dan Singapura berturut-turut dan tanpa henti.


Selain Opera Gaojia, wayang patung yang popular di Hokkien dan Guangdong juga banyak dipentaskan di Tanah Melayu dan Singapura. Menurut catatan dalam *Sejarah Wayang Patung China*, tulisan sarjana Ding Yan Zhao, kumpulan wayang patung yang berasal dari bandar Quanzhou, Hokkien, yang diketuai oleh Cai Qing Yuan, kerap mengadakan persembahan di Singapura dan Filipina dari tahun 1908 hingga 1914. Di samping itu, kumpulan wayang patung yang berasal dari Guangdong, yang diketuai oleh Zheng Shoushan (1895-1964), juga banyak mengadakan persembahan mengelilingi Singapura dan Filipina dari tahun 1916 hingga 1922.

Opera Guangdong merupakan opera yang paling besar di provinsi Guangdong. Bentuk kesenian ini wujud sejak awal dinasti Ming dan berusia lebih daripada 300 tahun hingga hari ini. Opera Guangdong mula popular di Asia Tenggara sejak pertengahan abad ke-19. Pada awal abad ke-20, sebilangan besar daripada kumpulan Opera Guangdong mengadakan pertunjukan di Asia Tenggara. Tahun 1921 hingga 1941 merupakan zaman kemakmuran Opera Guangdong di Tanah Melayu. Banyak pelakon Cina yang terkemuka daripada opera ini

bergilir-gilir berlakon di Tanah Melayu dalam tempoh itu.

Opera Hainan berakar di Pulau Hainan di selatan China sejak akhir dinasti Ming hingga awal dinasti Qing. Antara golongan Cina di Malaysia, orang Hainan, orang Guangdong, orang Hokkien, orang Toecheu, dan orang Hakka merupakan lima kelompok yang paling besar bilangannya. Oleh hal yang demikian, Opera Hainan, Opera Guangdong, Opera Hokkien, dan Opera Toecheu turut berkembang menjadi empat bentuk opera yang paling popular dalam kalangan masyarakat Cina





Gu zheng.

tempat. Menurut Huang Lian Zhi lagi, tahun 1930-an merupakan era emas bagi perkembangan Opera Hainan di Tanah Melayu.

Dalam tempoh dua abad belakangan ini, banyak opera tradisional Cina dipersembahkan di negara ini dan Singapura. Ciri istimewanya dapat dikekalkan, di samping bercampur dengan unsur tempatan dan terus dikembangkan sehingga menjadi sebahagian daripada kebudayaan Cina tempatan.

### Kesenian Cina yang Lain di Tanah Melayu

Bentuk kesenian tradisional Cina yang lain juga disebar di Tanah Melayu sepanjang abad ke-20. Sebagai contohnya, kaum Cina Malaysia telah mewarisi seni lukis tradisional Cina. Lukisan dakwat bak Cina amat popular di negara ini. Pendidikan, penghayatan, dan pengumpulan lukisan dakwat bak mempunyai pengikut yang agak besar di negara ini. Terdapat banyak pelukis Cina yang pandai menghasilkan lukisan dakwat bak yang bertemakan pemandangan alam semula jadi. Antara mereka termasuklah Liu Fu, Zhong Si Bin dan Chen Zong Rui. Fokus lukisan mereka ialah keharmonian antara manusia dengan alam.

Seni tulis kaligrafi Cina juga amat digemari oleh penduduk negara ini. Pertandingan kaligrafi menjadi satu daripada acara tradisional untuk merayakan Tahun

Baru Cina. Kaum Cina Malaysia telah menubuhkan persatuan kesenian kaligrafi untuk mengembangkan kesenian ini. Seni tulis kaligrafi turut disukai oleh kaum bumiputera tempatan. Sebagai contoh, mahasiswa dan mahasiswi Institut Kong Zi, Universiti Malaya, aktif belajar menulis kaligrafi Cina.

Muzik tradisional turut diwarisi oleh kaum Cina Malaysia. Permainan alat muzik tradisional, muzik, dan lagunya juga agak popular dalam kalangan masyarakat tempatan. Orang Cina yang belajar bermain alat tradisional China agak besar bilangannya. Mereka, sebagai contoh, mempelajari *er hu* (rebas Cina bertali dua), *pi pa* (sejenis alat petik tradisional Cina), *gu zheng* (sejenis alat muzik petik berdawai 21) dan *di zi* (serunai Cina).

Yang lebih menarik, kaum Cina tempatan telah mencipta seni muzik yang baharu, iaitu Gendang 24 Tanda Edaran Musim. Persembahan permainan gendang ini dicipta oleh budayawan Tan Chai Puan, dengan kerjasama Tan Hooi Song, ahli muzik yang masyhur, pada tahun 1988. Gendang ini sering digunakan dalam kegiatan atau upacara penting masyarakat Cina masa ini.

Selain bentuk kesenian tersebut, tarian tradisional



Pi pa.

Cina, nyanyian balada, dan seni silat tradisional Cina juga disebarluaskan dan disukai oleh kaum Cina Malaysia.

Pada hakikatnya, kesenian bukanlah bidang yang paling menonjol kesannya, tetapi inilah saluran penyebaran yang paling halus dan sederhana bagi kaum Cina tempatan. Selaras dengan perkembangan komunikasi dan persahabatan antara Cina dengan Malaysia, kesenian tradisional Cina di negara ini akan semakin maju sehingga mencapai kecemerlangan dan identitinya tersendiri. **SM**